



**PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA**  
**SOALAN LAZIM (FAQs) BAGI INDUSTRI TELEKOMUNIKASI**  
(DIKEMASKINI PADA 22 DISEMBER 2023)

| Bil | Soalan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Maklum Balas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | <p>Pada masa ini, pembekal perkhidmatan telekomunikasi akan memaparkan penyesuaian berhubung dengan bil/ penyata sebelumnya dalam bil/ penyata kitaran seterusnya kepada pelanggan.</p> <p>Apabila e-Invois dilaksanakan, adakah aturan pengeluaran bil / invois yang sama akan diteruskan atau adakah pembekal perkhidmatan telekomunikasi perlu untuk mengubah proses sedia ada?</p>                                                                                                                                                  | <p>Pembekal perkhidmatan telekomunikasi dibenarkan untuk membuat pelarasan bagi bil / penyata sebelumnya sama ada dengan:-</p> <p>(a) memaparkan pelarasan dalam kitaran bil / penyata seterusnya; atau</p> <p>(b) mengeluarkan nota kredit / nota debit / nota bayaran balik e-Invois</p> <p>selaras dengan amalan perniagaan semasa.</p> |
| 2.  | <p>Pembekal perkhidmatan telekomunikasi boleh menjual pelan prabayar kepada ejen atau syarikat perdagangan yang kemudiannya akan menjual pelan prabayar tersebut kepada pengguna.</p> <p>Pada masa ini, pembekal perkhidmatan telekomunikasi akan mengeluarkan invois kepada ejen atau syarikat perdagangan bagi penjualan pelan prabayar.</p> <p>Apabila e-Invois dilaksanakan, adakah aturan pengeluaran bil / invois yang sama akan diteruskan atau adakah pembekal perkhidmatan telekomunikasi perlu mengubah proses sedia ada?</p> | <p>Pembekal perkhidmatan telekomunikasi dibenarkan untuk meneruskan aturan pengeluaran bil / invois sedia ada</p>                                                                                                                                                                                                                          |

| Bil | Soalan                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Maklum Balas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3.  | <p>Kebiasaannya, pembekal perkhidmatan telekomunikasi mengendalikan perniagaan mereka di premis sewa yang dimiliki oleh individu dan / atau syarikat.</p> <p>Apabila e-Invois dilaksanakan, apakah layanan e-Invois ke atas penyewaan premis oleh pembekal perkhidmatan telekomunikasi?</p> | <p>Jika pemilik premis sewaan adalah individu yang menjalankan perniagaan atau syarikat, pemilik premis sewaan dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk merekodkan pendapatan yang diperoleh daripada premis yang disewakan.</p> <p>Sebaliknya, jika pemilik premis sewaan adalah individu yang tidak menjalankan perniagaan, pembekal perkhidmatan telekomunikasi adalah bertanggungjawab untuk mengambil alih peranan pemilik premis sewaan sebagai pengeluar e-Invois dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk menyokong transaksi bagi tujuan percukaian.</p> |

| Bil | Soalan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Maklum Balas                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4.  | <p>Untuk perkhidmatan tambahan (contohnya, langganan penstriman video) di mana pelanggan menyelesaikan pembayaran mereka melalui pembekal perkhidmatan telekomunikasi, pihak manakah (contohnya, pembekal perkhidmatan telekomunikasi atau vendor pihak ketiga) yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois kepada pelanggan?</p> | <p>Pembekal perkhidmatan telekomunikasi hanya menyediakan mekanisme penyelesaian bayaran untuk perkhidmatan tambahan.</p> <p>Pengeluaran e-Invois adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sekiranya vendor pihak ketiga adalah entiti tempatan, vendor pihak ketiga dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pelanggan.</li> <li>• sekiranya vendor pihak ketiga adalah entiti asing, pelanggan bertanggungjawab untuk mengambil alih peranan penerbit dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh vendor pihak ketiga.</li> </ul> <p>Selain itu, untuk sebarang caj yuran / komisen platform yang diperolehi oleh pembekal perkhidmatan telekomunikasi, pembekal perkhidmatan telekomunikasi dikehendaki mengeluarkan e-Invois dengan sewajarnya.</p> |